

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 SEPTEMBER 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Gempa bumi lemah di Ranau – Jabatan Meteorologi	Bernamea.com
2	Tiada kerosakan dilaporkan susulan gegaran di Ranau	Bernamea.com
3	Kumpulan pendaki pertama cemas	Harian Metro
4	Haze expected this week	The Malay Mail
5	Situation to remain until inter-monsoon kicks in	The Star
6	Johor folk hope cloud seeding will end water rationing	The Star
7	Not much improvement in Penang either	The Star
8	MyIPO dipilih kendali Pusat Sokongan Teknologi Inovasi	Utusan Malaysia

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 02 SEPTEMBER 2015 (RABU)



Gempa Bumi Lemah Di Ranau - Jabatan Meteorologi

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Gempa bumi lemah dengan magnitud 3.3 pada skala Richter melanda Ranau pada 1.25 tengah hari tadi.

Menurut [Jabatan Metereologi Malaysia](#) dalam satu kenyataan, pusat gempa itu adalah enam darjah Utara dan 116.6 darjah Timur, 10 km Barat Daya dari Ranau.

Gegaran yang dirasai di Ranau sedang dipantau perkembangannya dan sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan.

-- BERNAMA



Tiada Kerosakan Dilaporkan Susulan Gegaran Di Ranau

KOTA KINABALU, 1 Sept (Bernama) -- Tiada laporan diterima melibatkan kerosakan akibat gegaran terbaharu yang melanda Ranau hari ini, kata Pegawai Daerahnya Faimin Kamin.

Jabatan Meteorologi memaklumkan gempa bumi lemah berukuran 3.3 pada skala Richter melanda Ranau, kira-kira 108 kilometer dari sini, pada pukul 1.25 petang tadi.

Pusat gempa itu adalah enam darjah utara dan 116.6 darjah timur, 10 kilometer barat daya dari Ranau.

Faimin berkata walaupun gegaran lemah, ia masih boleh dirasakan oleh sebilangan penduduk di daerah itu.

"Gegaran tidaklah lama sangat, hanya dalam dua atau tiga saat. Kalau ada yang tidak rasa gegarannya, air dalam gelas pun boleh nampak sedikit gelombang kecil," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Pada 5 Jun lepas, Ranau digegarkan oleh gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter yang telah meragut 18 nyawa dan menyebabkan beberapa kerosakan pada bangunan serta rumah penduduk sekitar.

-- BERNAMA

Kumpulan pendaki pertama cemas

■ Gempa bumi susulan 3.3 magnitud di Gunung Kinabalu

Oleh Ardyhansah Amat
ardyhansah@hmetro.com.my
Ranau

Seramai 36 pendaki termasuk 12 malim gunung yang melakukan pendakian pertama ke Laban Rata di Gunung Kinabalu di sini, semalam berdepan detik cemas apabila satu gempa bumi susulan berukuran 3.3 magnitud dilaporkan berlaku.

Dalam kejadian jam 1.25 petang kumpulan pendaki berkenaan panik, namun mereka ditenangkan malim gunung. Tiada kecederaan atau kemalangan jiwa dilaporkan berlaku.

Kejadian terbaru itu menjadikan jumlah keseluruhan

gempa bumi dicatatkan di daerah berkenaan adalah 118 gegaran selepas gempa bumi terkuat pada 5.9 magnitud direkodkan pada 5 Jun lalu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ranau Jimmy Lagon berkata, pihaknya tidak menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian terbaru itu.

"Namun, pasukan Mencari dan Menyelamat Gunung (MOSAR) yang bertugas di Gunung Kinabalu ada melaporkan kejadian ini (gegaran), tetapi keadaan kawasan pendakian adalah selamat.

"Setakat ini, tiada sebarang

kejadian tidak diingini berlaku sama ada runtuhannya di pergunungan atau sekitar daerah ini," katanya ketika dihubungi.

Menurut Jimmy, enam anggota MOSAR yang juga malim gunung mengiringi 24 pendaki ke Laban Rata.

Pada masa sama, Harian Metro difahamkan sembilan pendaki dan empat malim gunung bermain di Laban Rata manakala selebihnya hanya menyertai pendakian harian.

Sementara itu, berdasarkan rekod Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Sabah,

gempa bumi susulan itu dilaporkan berlaku kira-kira 11 kilometer dari barat pekan Ranau menyebabkan terjadi gegaran kecil.

Kali terakhir gempa bumi susulan dicatatkan berukuran 2.5 magnitud, jam 6.09 pagi, 28 Ogos lalu.

Sementara itu, penduduk pekan Kudasang, Rainin Maidin, 52, berkata, dia bersama beberapa penjaja berada di pekan berkenaan untuk menjual hasil pertanian.

"Namun, kami tidak merasai sebarang gegaran berbanding Jun dan Julai lalu. Mungkin disebabkan gegaran kali ini agak lemah dan jauh dari pekan menyebabkan penduduk tidak merasai gegaran terbabit," katanya.

FAKTA
Ranau mencatatkan 118 gegaran selepas gempa bumi terkuat pada 5.9 magnitud direkodkan 5 Jun lalu



ANTARA Malim Gunung yang diketik sebagai pegawai MOSAR.

Terdahulu, dalam kejadian jam 7.15 pagi, 5 Jun lalu, negara digemparkan dengan kejadian gempa bumi bertuku-

ran 5.9 magnitud di puncak Gunung Kinabalu yang mengorbankan 18 nyawa termasuk empat malim gunung.

Haze expected this week

By Nurul Huda Jamaluddin
nurulhuda@mmail.com.my

PETALING JAYA — Several areas, including Kuala Lumpur, could be hit by haze this week, according to the Malaysian Meteorological Department.

In a statement, a department national weather centre officer, who declined to be named, said based on readings on Monday, 243 hot spots were identified in Malaysia and Indonesia.

“A total of 222 hot spots were detected in Sumatra while 19 were found in Kalimantan and one each in Peninsular Malaysia and Sabah,” he said.

The officer said the west coast of the peninsula and west of Sarawak would most likely be hit by haze.

“Generally, less rain was observed throughout the country.

“It rained in only a few places in the late evening on the west coast of Peninsular Malaysia and west of Sarawak, raising the possibility these areas could be affected by haze,” he said.

The officer said haze might blanket Kuala Lumpur as winds blew in from Sumatra.

“The wind is blowing from the southwest of the city at a speed of 10 to 30km per hour.

“With less rain in the city and the cross-border haze, it could cause continuous hazy conditions throughout the week,” he said.

Air pollutant index (API) readings from the department’s website show several areas in the good to moderate category as at 5pm yesterday.

The worst readings were recorded at Port Klang (93), Batu Muda (87) and Cheras (86).

“Although thunderstorms are expected, it will not be enough to alleviate the effects of the haze,” said the officer.

The public can check API readings at *apims.doe.gov.my*.

